

0050

U B366 AAB
MAHATHIR - PAKATAN R R R

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH (PBS) DATUK SERI PAIRIN KITINGAN TELAH MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SUPAYA TIDAK PERGI KE SABAH UNTUK LAWATAN YANG DIJADUALKAN MINGGU LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH DIBERITAHU DEMIKIAN OLEH KETUA MENTERI SABAH ITU MELALUI TELEFON BEBERAPA HARI SEBELUM BELIAU KE SANA PADA SABTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APABILA BELIAU MEMBERITAHU DATUK PAIRIN YANG LAWATAN ITU TIDAK BOLEH DIBATALKAN KERANA USNO MAHUKAN BELIAU KE SABAH, DATUK PAIRIN TELAH MEMINTA UNTUK MENAPIS UCAPANNYA.

+SAYA KATA IA TIDAK BOLEH DAN SELEPAS ITU DATUK PAIRIN MEMINTA PULA SAYA MEMBUAT JANJI DAN KEPADA ITUPUN SAYA KATA TIDAK BOLEH,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SEMASA MENGULAS TINDAKAN PBS KELUAR DARI BN MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN KEMUDIAN BAHAWA JANJI YANG DIMAKSUDKAN ITU IALAH MEMINTA KENAIKAN ROYALTI MINYAK, KEBENARAN MENGADAKAN STESEN TELEVISYEN KHAS UNTUK SABAH DAN MENUBUHKAN SEBUAH UNIVERSITI DI SABAH.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DATUK PAIRIN SENDIRI TELAH MENYEBUT PERMINTAAN ITU DALAM UCAPANNYA SEMPENA LAWATAN ITU.

KATANYA, BELIAU TIDAK MEMBERI JAWAPAN KEPADA KETIGA-TIGA PERMINTAAN ITU ATAS ALASAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG HANYA SEBAGAI +CARETAKER+ MENJELANG PILIHAN RAYA.

HANYA SELEPAS BN DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN SAHAJA PERKARA INI BOLEH DIRUNDINGKAN, KATANYA. -- LAGI
0148MST 16 10.90

0057

U B368 AAB
MAHATHIR - PAKATAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DARIPADA TINDAKAN-TINDAKAN DATUK PAIRIN ITU, BELIAU DARI AWAL LAGI TELAH MERASA RAGU DENGAN KESETIAAN PARTI ITU KEPADA BN.

KATANYA, BELIAU MENJANGKA PBS AKAN KELUAR DARIPADA BN UNTUK MENYERTAI SEMANGAT 46 HANYA SELEPAS KEPUTUSAN PILIHAN RAYA SEKIRANYA BN TIDAK MENDAPAT KEMENANGAN CEMERLANG.

+TETAPI NAMPAKNYA DIA MEMBUAT KEPUTUSAN LEBIH AWAL,+ KATANYA.

MALAH, KATANYA, SEMASA LAWATAN BELIAU KE SABAH, DATUK PAIRIN TIDAK MENUNJUKKAN APA-APA TANDA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN SEDEMIKIAN, SEBALIKNYA BELIAU BEGITU MESRA DAN BERJANJI AKAN MEMBANTU USNO PADA PILIHAN RAYA INI.

PBS JUGA BERJANJI UNTUK TIDAK MELETAKKAN CALON BEBAS MENENTANG CALON-CALON USNO DAN JUGA SEORANG DARIPADA UMNO DI LABUAN.

+JADI, HARI INI SAYA FIKIR PENGAKUAN ITU TIDAK BENAR DAN MEREKA BERUSAHA UNTUK MENENTUKAN CALON-CALON USNO KALAH+. -- LAGI
0158MST 16 10 90

DD62

U B369 AAB
MAHATHIR - PAKATAN 3 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA BN TIDAK AKAN MENGAJAK PBS BERUNDING MENGENAI KEPUTUSANNYA KELUAR DARIPADA BN SELAGI PARTI ITU KEKAL DENGAN KEPIMPINAN SEKARANG.

KATANYA, BUKANLAH DASAR BN UNTUK MENERIMA SEMULA SEBUAH PARTI KOMPONEN YANG BERTINDAK +MENIKAM DARI BELAKANG+.

+KALAU ADA ORANG YANG TIKAM KITA DARI BELAKANG, TAKKAN KITA CABUT PISAU ITU DAN MENGAJAKNYA BERUNDING+, KATANYA.

KETIKA MENGULAS DAKWAAN PBS YANG TINDAKANNYA ITU BERPUNCA DARIPADA KERAJAAN PUSAT TIDAK MENUNAIKAN 20 PERMINTAANNYA SELAMA TEMPOH EMPAT TAHUN MENYERTAI BN, PERDANA MENTERI BERKATA +KITA SENDIRI TIDAK MEMPERSOALKAN TINDAKAN SABAH TIDAK MENUNAIKAN JANJINYA DALAM KERJASAMA JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN.

BELIAU JUGA YAKIN KEINGINAN PBS UNTUK KELUAR DARIPADA BN IALAH KERANA SABAH TELAH MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN HASIL MINYAK NEGERI.

INI DIKUATKAN LAGI DENGAN TINDAKAN SEMANGAT 46 MEMASUKKAN SOAL MENAIKKAN ROYALTI MINYAK DALAM MANIFESTONYA, KATA BELIAU. -- LAGI
0208MST 16 10 90

0068

U B371 AAB
MAHATHIR - PAKATAN 4 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA JELAS SEKALI SOAL ROYALTI ITU DIMASUKKAN SEBAGAI SATU USAHA MEMANCING UNDI DAN +NAMPAKNYA DIA (TENGGU RAZALEIGH HAMZAH) TELAH BERJAYA+.

TAMBAHAN PULA, KATANYA, TENGGU RAZALEIGH PERNAH BERKATA SABAH DAN SARAWAK ADALAH +KING MAKERS+ DAN MEREKA AKAN MENENTUKAN SIAPA AKAN MENJADI RAJA.

BERDASARKAN INI, BELIAU YAKIN WUJUDNYA PAKATAN ANTARA PBS DENGAN PARTI PEMBANGKANG DI SEBALIK TINDAKAN KELUAR DARIPADA BN DAN AKAN NAMPAK KEMEWAHAN KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG DALAM MENJAYAKAN KEMPEN PILIHAN RAYA MEREKA

-- +KITA LIHAT SAJA NANTI+.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA TINDAKAN PBS ITU SATU PENGKHIANATAN ATAU TIDAK.

KATANYA TINDAKAN PBS ITU JUGA TIDAK MEMBERI KESAN KEPADA TUMPUAN KEMPEN DI SEMENANJUNG DAN SARAWAK, DAN MENAMBAH KATA INI KERANA PARTI-PARTI DI SARAWAK SEMUANYA DI BAWAH BN WALAUPUN PBDS MERUPAKAN PARTI PEMBANGKANG DI PERINGKAT NEGERI. -- LAGI

0217MST 16 10 90

0079

U B373 AAB
MAHATHIR - PAKATAN 5 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA TERDAPAT KOMPONEN BN LAIN YANG MUNGKIN MENGIKUTI LANGKAH PBS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA PARTI KOMPONEN BN LAIN YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT DENGAN PBS.

+GERAKAN SENDIRI PUN TENTUNYA BERASA KECEWA KERANA LAMARANNYA TIDAK DISAMBUT OLEH PBS+, KATANYA. SEBELUM INI GERAKAN DAN PBS PERNAH MENGUMUMKAN HASRAT MEREKA UNTUK BERGABUNG.

MALAHAN, KATANYA, HUBUNGAN PARTI-PARTI LAIN DALAM BN ADALAH KUKUH.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA DENGAN TINDAKAN PBS ITU PARTI-PARTI PEMBANGKANG LEBIH BERSEMANGAT DAN MUNGKIN AKAN MENGADAKAN KEMPEN SECARA BESAR-BESARAN.

MENGENAI HAKIKAT KINI SABAH AKAN BERADA SEMULA DI BAWAH PEMERINTAHAN PARTI PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA PERKARA ITU PERNAH BERLAKU SEBELUM INI. -- BERNAMA

0239MST 16 10 90

0078